

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Jadual berikut menunjukkan lokasi tamadun awal dunia.

Tamadun awal dunia	Lokasi
Mesir Purba	X
Mesopotamia	Sungai Tigris dan Sungai Euphrates

Apakah X?

- A Sungai Nil
- B Sungai Indus
- C Sungai Kuning
- D Laut Mediterranean

2. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri kerajaan Sumer?

- I Bandar maju
 - II Peningkatan teknologi
 - III Lokasi di kawasan pedalaman
 - IV Sistem pembentungan sistematik
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV


3. Senarai berikut merujuk kepada tamadun awal dunia.

- Berkembang menjadi bandar besar.
- Terletak di antara Laut Mediterranean dan Teluk Parsi.

Apakah kawasan tersebut?

- A Bulan Sabit Subur
- B Hadiah Sungai Nil
- C Lumpur Sungai Kuning
- D Taman Tergantung Babylon

4. Gambar berikut menunjukkan binaan yang dipanggil zigurat.



Apakah fungsi binaan tersebut?

- A Pasar
- B Istana raja
- C Tempat ibadat
- D Penempatan penduduk

5. Mengapakah Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil?

- A Pelabuhan maju
- B Kegiatan perikanan
- C Kawasan yang subur
- D Suasana aman damai

6. Apakah ibu kota kerajaan pertengahan dalam Tamadun Mesir Purba?

- A Nubia
- B Thebes
- C Memphis
- D Heliopolis

7. Apakah punca kemerosotan Tamadun Indus?

- A Bencana alam
- B Pemberontakan rakyat
- C Kelemahan pemerintahan
- D Kemerosotan perdagangan



8. Apakah sumbangan Tamadun Huang He?

- I Mencipta sutera
- II Mencipta kompas magnetik
- III Membina tempat ibadat
- IV Memperkenalkan sistem nombor
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Gambar berikut menunjukkan tulisan dalam Tamadun Mesopotamia.



Apakah jenis tulisan tersebut?

- A Geometri
- B Hieroglif
- C Piktograf
- D Kuneiform

10. Hammurabi merupakan raja terkenal dalam Tamadun

- A Indus
- B Mesopotamia
- C Mesir Purba
- D Huang He


11. Apakah bukti yang menunjukkan perkembangan teknologi dalam Tamadun Huang He?

- A Pengenalan tanaman baharu
- B Perluasan kawasan pertanian
- C Penciptaan kompas magnetik
- D Pembinaan institusi penyelidikan

12. Apakah fungsi polis dalam Tamadun Yunani?

- A Ibu kota
- B Pelabuhan
- C Pasar awam
- D Kubu pertahanan

13. Rajah berikut menunjukkan bentuk pemerintahan dalam Tamadun Yunani.



Apakah X?

- A Beraja
- B Tirani
- C Bangsawan
- D Ketenteraan

14. Antara berikut, yang manakah peranan Dewan Perhimpunan?

- I Menggubal undang-undang
- II Membuat deklarasi peperangan
- III Mengendalikan jabatan kerajaan
- IV Menjatuhkan hukuman mati kepada pesalah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Siapakah yang menganggotai Dewan Perhimpunan?

- A Golongan bangsawan sahaja
- B Kaum lelaki dan wanita Athens
- C Warganegara berusia 60 ke atas
- D Semua warganegara lelaki Athens

16. Apakah bukti bahawa kerajaan Sparta mementingkan ketenteraan?

- A Pemerintah diketuai oleh Jeneral tentera
- B Kaum wanita tidak terlibat dalam politik
- C Hanya kaum lelaki boleh menjadi tentera
- D Kanak-kanak dan wanita dilatih menjadi tentera

17. Jadual berikut menunjukkan lokasi Tamadun Rom.

Lokasi	Huraian
Sungai X	Terletak di Lembah Latium

Apakah X?

- A Sungai Tiber
- B Sungai Tigris
- C Sungai Pompei
- D Sungai Euphrates

18. Maklumat berikut tentang Tamadun Rom.

Masyarakat Rom terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu *Patrician*, *Plebian*, dan golongan hamba.

Apakah maksud *Patrician*?

- A Petani
- B Artisan
- C Pedagang
- D Golongan atasan

19. Apakah sumbangan Raja Vespian terhadap kerajaan Rom?

- A Membina tembok pertahanan
- B Memulakan pembinaan colosseum
- C Membaik pulih kerosakan akueduk
- D Memperkenalkan jalan raya daripada batu kerikil

20. Gambar berikut menunjukkan seni bina dalam Tamadun Rom.



Apakah ciri-ciri seni bina pantheon?

- I Saiz yang besar
 - II Tiang gaya Yunani
 - III Dicat dengan warna putih
 - IV Mempunyai tingkap yang banyak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV